

Mengapa wajib untuk sujud diatas tanah Karbala?

Tidak wajib ! Tetapi Shi'ah mengutamakan sujud diatas tanah Karbala kerana keutamaan yang diberikan kepadanya oleh Rasulullah (s) dan para Imam-Imam keluarga baginda (*Ahl al-Bayt*). Selepas kesyahidan Imam Husayn (a), anaknya Imam Zayn al-'Abidin (a) telah mengutip beberapa keping tanah, dan mengisytiharkan ia adalah debu yang suci, setelah itu beliau menyimpannya didalam begnya. Para-para Imam (a) sering menggunakannya sebagai tempat sujud dan juga membuat biji tasbih daripadanya, dan sering menggunakannya dalam memuji Allah. [Ibn Shahrashub, *al-Manaqib*, vol. 2, p. 251]

Mereka juga menggalakkan pengikut Shi'ah agar sujud keatasnya dalam solat mereka, dengan kefahaman bahawa ia tidaklah wajib, tetapi dilakukan dengan harapan mendapat lebih pahala. Para-para Imam (a) sering menekankan bahawa sujud kehadapan Allah perlulah dilakukan diatas tanah yang bersih sahaja dan mengutamakan ia dilakukan diatas tanah Karbala.

[al-Tusi, *Misbah al-Mutahajjad*, p. 511]

[al-Saduq, *Man la yahduruhu'l-faqih*, vol. 1, p. 174]

Untuk masa yang lama para pengikut Shi'ah telah menyimpan tanah ini bersama dengan mereka. Kemudian, kerana takut ia akan dicemarkan mereka mengadunnya hingga menjadi kepingan-kepingan kecil yang dipanggil *mohr* atau *Turbah*. Sewaktu solat kami sujud diatasnya bukan kerana ia wajib tetapi kerana sifatnya yang mulia. Sekiranya kami tidak mempunyainya, kami akan sujud diatas tanah yang suci atau apa-apa yang berasal dari tanah.

Adalah amat pelik apabila ada orang yang dengan jahat mengatakan bahawa pengikut Shi'ah menyembah batu atau menyembah Husayn (a). Hakikatnya adalah kami menyembah Allah dengan sujud diatas *Turbah*, dan bukan kepadanya. Dan kami tidak pernah menyembah Imam Husayn, Imam Ali, atau Rasulullah (s). Kami hanya menyembah Allah, dan ia adalah bertepatan dengan perintah Allah yang kami sujud hanya diatas tanah yang suci.

Kesimpulan:

Inilah sebab mengapa orang muslim Shi'ah membawa kepingan-kepingan kecil yang selalunya dibuat dari tanah Karbala, yang membolehkan mereka melakukan sujud diatas objek yang amat digalakkan dan juga untuk mengikut *sunnah* Rasulullah (s).

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Islam original, sila lawat:

<http://al-islam.org/faq/>

v1.0

Oleh itu, bertasbihlah engkau dengan memuji Tuhanmu, serta jadilah dari orang-orang yang sujud.
(Qur'an 15:98)

Mengapa Shi'ah sujud diatas *Turbah*?

Orang-orang muslim Shi'ah mengutamakan sujud diatas kepingan tanah yang dipanggil *Turbah*, yang selalunya dibuat daripada tanah liat Karbala di Iraq.

Mengikuti pandangan fiqh mazhab Ja'fari yang merupakan salah satu mazhab Islam-perlakuan sujud hendaklah dilakukan di atas tanah yang suci atau apa-apa yang tumbuh di atasnya asalkan ia bukan makanan atau dipakai. Ini termasuklah debu, batu, pasir atau rumput asalkan ia bukan merupakan bahan galian atau mineral. Sujud di atas kertas diharuskan kerana ia diperbuat daripada benda yang tumbuh di atas tanah. Sujud di atas karpet dan kain tidak dibenarkan.

Ulamak-ulamak Ahlussunah juga sependapat dalam membenarkan sujud di atas tanah dan di atas apa-apa yang tumbuh di atasnya.

Pernakah Rasulullah (s.a.w) dan sahabat-sahabatnya melakukannya?

Sujud di atas tanah merupakan sesuatu yang diamalkan oleh Rasulullah (s) dan para sahabat yang berada bersama beliau.

- ❑ Diriwayatkan dari Abu Sa'id al-Khudri: Aku melihat Rasulullah sujud di atas tanah lumpur dan air sehingga kelihatan kesan lumpur didahi baginda. [Al-Bukhari, *Sahih* (English translation), vol. 1, kitab 12, no. 798; vol. 3, kitab 33, no. 244]
- ❑ Diriwayatkan dari Anas bin Malik: Kami pernah solat bersama Baginda Rasulullah (s) dibawah panas terik, sehinggakan sekiranya sesiapa diantara kami tidak tahan untuk sujud di atas tanah (kerana panas) dia itu akan menebarkan pakaiannya (keatas tanah tersebut) dan sujud keatasnya. [Al-Bukhari, *Sahih* (English translation), vol. 2, kitab 22, no. 299]

Berdasarkan hadis ini, Rasulullah (s) hanya membenarkan sahabatnya untuk sujud di atas kain dalam keadaan yang tertentu sahaja.

Rasulullah (s) juga mempunyai *Khumra* yang digunakan bagi meletakkan dahinya apabila baginda sujud.

- ❑ Diriwayatkan dari Maymuna: Rasulullah sering solat di atas *Khumra*. [Al-Bukhari, *Sahih* (English translation), vol. 1, kitab 8, no. 378]
- ❑ Mengikuti al-Shawkani, seorang ulamak Sunni yang terkenal, lebih dari sepuluh orang sahabat baginda telah meriwayatkan hadis-hadis yang menceritakan bagaimana Rasulullah (sering) sujud di atas *Khumrah*. Al-Shawkani juga menyenaraikan semua sumber Sunni yang mengandungi riwayat-riwayat ini termasuklah **Sahih Muslim, Sahih al-Tirmidhi, Sunan Abu Dawud, Sunan al-Nasa'i** and many others. [Al-Shawkani, *Nayf al-Awtar*, Bab Sujud di atas Khumrah, vol. 2, p. 128]

Jadi apakah itu *khumrah*?

- ❑ Sebuah tikar kecil yang hanya cukup untuk meletakkan muka dan tangan apabila sujud dalam solat.

[Al-Bukhari, *Sahih* (English translation), vol. 1, kitab 8, no. 376 (sebagaimana dijelaskan oleh sipenterjemah didalam parantesis)]

Ibn al-'Athir, yang merupakan ulamak Sunni yang terkenal, didalam kitabnya *Jami al-'Usul* telah menulis:

- ❑ "*Khumra* adalah [seperti sesuatu] yang digunakan oleh golongan Shi'ah pada zaman kita ini apabila sujud." [Ibn al-'Athir, *Jami' al-'Usul*, (Cairo, 1969), vol. 5, p. 467]
- ❑ "*Khumra* adalah sebuah tikar kecil yang diperbuat dari fiber pokok palm atau bahan lain.... Dan ia adalah seperti yang digunakan oleh puak Shi'ah apabila sujud." [Talkhis al-Sifah, p. 81]

Tetapi kenapa menggunakan tanah Karbala?

Sifat istimewa tanah Karbala (Iraq) telah diketahui malah ia merupakan suatu objek yang istimewa pada zaman Rasulullah (s) dan juga selepasnya:

- ❑ Umm Salama berkata: Aku melihat Husayn (a) duduk dipangkuan datuknya, Rasulullah (s), yang pada ketika itu mempunyai sekeping tanah ditangannya. Rasulullah (s) sedang mencium tanah tersebut sambil menangis. Aku bertanya kepadanya tanah apakah itu. Rasulullah (s) bersabda: "Jibrail telah memberitahuku bahawa anakku ini Husayn, akan dibunuh di Iraq. Beliau telah membawa tanah ini kepadaku dari sana. Aku sedang menangis kerana kesusahan yang bakal dialami oleh Husaynku ini." Kemudian Rasulullah (s) memberikannya kepada Umm Salama dan bersabda kepadanya: "Apabila kamu melihat tanah ini bertukar menjadi darah, ketahuilah bahawa Husayn ku ini telah dibunuh." Umm Salama menyimpan tanah tersebut didalam sebuah botol dan sentiasa memperhatikannya sehinggalah pada hari Ashura, 10 Muharram 61 A.H., dimana ia bertukar menjadi darah. Pada ketika itu beliau pun tahu bahawa Husayn bin Ali (a) telah shahid. [al-Hakim, *al-Mustadrak*, vol. 4, p. 398]
[al-Dhahabi, *Siyar a'lam al-nubala'*, vol. 3, p. 194]
[Ibn Kathir, *al-Bidayah wa'l-nihayah*, vol. 6, p. 230]
[al-Suyuti, *Khasa'is al-kubra*, vol. 2, p. 450; *Jami' al-Jawami*, vol. 1, p. 26]
[Ibn Hajar al-Asqalani, *Tahdhib al-tahdhib*, vol. 2, p. 346]
- ❑ 'Ali ibn Abi Talib, lalu di Karbala selepas perang Siffin. Beliau mengambil segenggam tanahnya dan berteriak: 'Ah, ah, ditempat ini beberapa orang akan dibunuh dan akan masuk syurga tanpa hisab!' [Ibn Hajar al-Asqalani, *Tahdhib al-tahdhib*, vol. 2, p. 348]

